

CNS3213

U GB 16-07 00173 BA639

Bah

Mahathir - Pekerja

SHAH ALAM, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tenaga kerja terlatih dan mahir saja tidak mencukupi untuk membantu Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Untuk mencapai matlamat itu, para pekerja perlu mempunyai nilai-nilai kerja yang cemerlang, berdisiplin, cekap, bekerja kuat serta mengutamakan kualiti, katanya.

+Tenaga pekerja terlatih dan mahir saja tidak memadai... mereka perlu ada lebih dari itu,+ katanya semasa berucap merasmikan Akademi Saga, sekolah latihan teknikal automobil Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), berharga \$5 juta di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, usaha mengeluarkan lebih banyak pekerja terlatih dan mahir perlu dipergiatkan memandangkan keperluan untuk tenaga pekerja seperti itu akan bertambah apabila industri mempertingkatkan teknologi dan memodenkan operasi mereka.

Katanya, tenaga terlatih dalam profesion kolar biru kini masih berkurangan memandangkan maklumat yang ada menunjukkan lebih 90 peratus daripada penuntut sekolah di negara ini disalurkan ke aliran akademik manakala 10 peratus sahaja yang memasuki institusi vokasional. -- Lagi.

♥16/07/17-57MST

CNS3216

U GB 16-07 00178 BA640

Bah

Mahathir - Pekerja 2 Shah Alam

+Dalam sesebuah negara menuju ke arah perindustrian, mereka yang terlatih dalam bidang teknikal akan lebih mudah mendapat tempat,+ kata beliau.

Perdana Menteri menggesa pekerja tempatan supaya sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan berhubung teknologi moden. Beliau juga menyarankan agar sektor swasta mencontohi EON dengan melibatkan diri dengan lebih giat dalam program latihan dan peningkatan kemahiran pekerja di negara ini.

Mengenai Akademi Saga, Perdana Menteri berkata ia akan menjadi nadi latihan pelatih mekanik dalam pelbagai bidang baik pulih kenderaan di samping memberi penekanan kepada etika kerja cemerlang dan aspek-aspek berjimat cermat yang merupakan satu ciri penting dalam perniagaan.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan para pelatih bahawa kecekapan membaik pulih kereta tidak bermakna seseorang mekanik itu telah mempunyai keupayaan untuk berniaga sendiri kerana untuk menceburi perniagaan juga memerlukan kecekapan pengurusan.

+Lulusan akademi ini janganlah terus membuka bengkel. Mereka hendaklah bekerja dulu dan mendapat upah serta pengalaman... biarlah lambat sedikit kerana ia lebih selamat,+ kata beliau. -- Lagi.

♥16/07/17-59MST

CNS3223

U GB 16-07 00177 BA641

Bah

Mahathir - Pekerja 3 Shah Alam

Sebelum itu, Pengerusi EON, Tan Sri Jamil Mohamad Jan berkata, akademi itu bertujuan mempertingkatkan kemahiran para mekanik tempatan di samping membantu membekalkan mekanik terlatih kepada EON.

Katanya, sehingga ini empat kumpulan pelatih berjumlah 80 orang telah diambil untuk menjalani latihan perantis selama dua tahun.

Terletak di kawasan 0.6 hektar, bangunan akademi yang lengkap dengan bengkel latihan, dewan syarahan, asrama dan stesen minyak itu dibina oleh Petronas manakala operasinya dibiayai oleh EON dengan sumbangan bantuan kewangan \$850,000 dari Proton.

Akademi itu menawarkan tiga jenis kursus termasuk Program Perantis selama dua tahun untuk lepasan sekolah dan Program Kepakaran selama dua hingga lima hari untuk para mekanik yang sedang bekerja.

Kursus Asas dan Penghargaan Otomobil selama dua hari akan juga diadakan kepada orang awam, khususnya pemilik Proton Saga, yang ingin belajar membaiki sendiri kereta mereka.

Pada majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga menerima cek bernilai \$1.1 juta sumbangan enam buah syarikat bagi membiayai operasi akademi itu. -- Bernama.

♥16/07/18-03MST